


## **MENIKMATI SUASANA RIMBA DI KUALA LUMPUR**

Oleh: Siti Fairuz binti Abd Razak, 1171185,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 25 Ogos 2020*



Terkejut juga semasa pertama kali mendengar ada hutan di tengah bandar metropolitan Kuala Lumpur. Namun, hutan itu memang benar-benar wujud.

Taman Eko Rimba Kuala Lumpur mempunyai keluasan 9.4 hektar dan terletak di antara Jalan Ampang dan Jalan Raja Chulan.

Pada mulanya, taman ini diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal Bukit Nanas pada tahun 1906 dengan keluasan 17.5 hektar.

Terletak kira-kira tiga kilometer dari pusat bandar raya Kuala Lumpur, taman tersebut merupakan salah satu kawasan hutan rekreasi tertua di Malaysia.

Satu-satunya hutan tropika yang wujud di tengah bandar ini diklasifikasikan sebagai hutan dipterokarpa pamah.



### **Apa yang menarik?**

Terdapat laluan kanopi sepanjang 200 meter di sini dan pengunjung boleh melihat bangunan pencakar langit berhampiran semasa berjalan.

Sebaik-baiknya, sarungkan pakaian kasual seperti seluar, baju-T dan kasut sukan. Elakkan memakai kasut bertumit tinggi.

Bawa air secukupnya kerana anda dijangka kehausan setelah mendaki tangga untuk sampai ke puncak enam menara yang terdapat di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur.

Memang terdapat banyak tarikan dan apa yang menariknya, pengunjung tidak dikenakan sebarang bayaran untuk memasuki taman ini.

Selain berkhemah, beriadah, dan melakukan penyelidikan, pengunjung boleh merakamkan gambar yang berlatarkan suasana hutan hijau tropika untuk dikongsi bersama rakan-rakan dalam Instagram atau Facebook.

Selain itu, banyak juga kemudahan yang terdapat di sini. Jangan risau, tandas ada! Beberapa kemudahan lain yang disediakan adalah gazebo, ruang solat dan kaunter maklumat. Jangan lupa melihat peta sebelum masuk supaya anda tidak tersesat.

Kebersihan amat dititikberatkan di kawasan ini. Pengunjung dilarang membuang sampah, memancing, menebang atau menoreh pokok, memberi makanan kepada haiwan dan memburu.

### **Cara ke sana**

Cara yang paling mudah adalah dengan memandu. Kenderaan boleh diletakkan di kawasan parkir di tepi Jalan Raja Chulan dengan kadar bayaran kira-kira RM10.

Sekiranya anda tiada kenderaan sendiri atau tidak gemar memandu di bandar raya Kuala Lumpur, boleh gunakan perkhidmatan e-hailing seperti Grabcar.

Anda juga digalakkan menggunakan pengangkutan awam seperti transit aliran ringan (LRT) dan turun di Stesen Masjid Jamek dan berjalan kira-kira 850 meter ke Taman Eko Rimba Kuala Lumpur.

### **Memelihara alam semulajadi**

Taman Eko Rimba Kuala Lumpur sangat sesuai untuk dikunjungi bersama rakan-rakan dan keluarga.

Datanglah ke sini bila ada masa terluang untuk menikmati pemandangan hijau sambil menghargai kepentingan memelihara alam semulajadi untuk dikongsi bersama dengan generasi akan datang.